

RANG UNDANG-UNDANG ANTIBERITA TIDAK BENAR 2018

PINDAAN DALAM JAWATANKUASA

TEKS BAHASA KEBANGSAAN

1. Fasal 4

Subfasal 4(1) Rang Undang-Undang ini dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “diketahuinya” dengan perkataan “niat jahat”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “sepuluh tahun” dengan perkataan “enam tahun”.

2. Fasal 5

Fasal 5 Rang Undang-Undang ini dipinda dengan menggantikan perkataan “sepuluh tahun” dengan perkataan “enam tahun”.

HURAIAN

Pindaan kepada *fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan elemen niat jahat bagi kesalahan di bawah *fasal 4* dan mengurangkan hukuman pemenjaraan daripada sepuluh tahun ke enam tahun bagi kesalahan itu.

Pindaan kepada *fasal 5* Rang Undang-Undang bertujuan untuk mengurangkan hukuman pemenjaraan daripada sepuluh tahun ke enam tahun bagi kesalahan di bawah *fasal 5*.

D.R. 6/2018

**RANG UNDANG-UNDANG ANTIBERITA TIDAK
BENAR 2018**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pemakaian luar wilayah

BAHAGIAN II

KESALAHAN-KESALAHAN

4. Mengadakan, menawarkan, menerbitkan, dsb., berita tidak benar atau penerbitan yang mengandungi berita tidak benar
5. Menyediakan bantuan kewangan bagi maksud melakukan atau memudahkan pelakuan kesalahan di bawah seksyen 4
6. Tidak melaksanakan kewajipan untuk menghapuskan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar

BAHAGIAN III

**PERINTAH BAGI PENGHAPUSAN PENERBITAN YANG
MENGANDUNGI BERITA TIDAK BENAR**

7. Mahkamah boleh memerintahkan penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar
8. Pengetepian perintah bagi penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar
9. Mahkamah boleh memerintahkan penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar oleh pegawai polis atau pegawai diberi kuasa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

Fasal

10. Persubahatan
11. Pemulaan pendakwaan
12. Kesalahan boleh tangkap
13. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
14. Kuasa untuk meminda Jadual

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta yang memperkatakan tentang berita tidak benar dan perkara yang berkaitan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Antiberita Tidak Benar 2018.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“berita tidak benar” termasuklah apa-apa berita, maklumat, data dan laporan, yang sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu, sama ada dalam bentuk rencana, visual atau rakaman audio atau dalam apa-apa bentuk lain yang boleh menggambarkan perkataan atau idea;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Sesyen;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi undang-undang;

“penerbitan” termasuklah —

- (a) apa-apa penerbitan bertulis atau penerbitan yang sifatnya serupa dengan apa-apa penerbitan bertulis, dan tiap-tiap salinan dan penghasilan semula atau penghasilan semula substansial penerbitan itu; dan
- (b) apa-apa penerbitan yang dihasilkan secara digital, elektronik, magnetik atau mekanikal, dan replikasi atau replikasi substansial penerbitan itu.

Pemakaian luar wilayah

3. (1) Jika mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh mana-mana orang, walau apa pun kerakyatan atau kewarganegaraannya, di mana-mana tempat di luar Malaysia, dia boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan itu seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Akta ini hendaklah terpakai jika, bagi kesalahan yang berkenaan, berita tidak benar itu adalah mengenai Malaysia atau orang yang disentuh oleh pelakuan kesalahan itu ialah warganegara Malaysia.

BAHAGIAN II

KESALAHAN-KESALAHAN

Mengadakan, menawarkan, menerbitkan, dsb., berita tidak benar atau penerbitan yang mengandungi berita tidak benar

4. (1) Mana-mana orang yang, melalui apa-apa cara, dengan diketahuinya mengadakan, menawarkan, menerbitkan, mencetak, mengedarkan, mengelilingkan atau menyebarkan apa-apa berita tidak benar atau penerbitan yang mengandungi berita tidak benar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda

tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi tiga ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(2) Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dinyatakan dalam subseksyen (1), memerintahkan orang yang disabitkan atas kesalahan di bawah subseksyen itu untuk membuat permohonan maaf kepada orang yang disentuh oleh pelakuan kesalahan itu mengikut cara yang ditentukan oleh Mahkamah.

(3) Ketidakpatuhan terhadap perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) bolehlah dihukum sebagai penghinaan mahkamah.

MISALAN

- (a) *A* menawarkan maklumat palsu kepada *B*, agar *B* menerbitkan maklumat itu dalam blog *B*. *B*, tanpa mengetahui bahawa maklumat yang ditawarkan oleh *A* adalah palsu, menerbitkan maklumat itu dalam blognya. *A* bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini. *B* tidak bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.
- (b) *A* mengada-adakan suatu maklumat dengan menyatakan dalam artikel yang diterbitkan dalam blognya bahawa *Z*, seorang usahawan terkenal telah mendapat kontrak perniagaan dengan menawarkan rasuah. *A* bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.
- (c) *A* mengada-adakan suatu maklumat dengan menyatakan dalam artikel yang diterbitkan dalam blognya bahawa *Z*, seorang usahawan terkenal telah mendapat kontrak perniagaan dengan menawarkan rasuah. *B*, tahu bahawa maklumat itu telah diada-adakan berkongsi artikel itu dalam akaun media sosialnya. Kedua-dua *A* dan *B* bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.
- (d) *A* menerbitkan suatu iklan yang mengandungi karikatur *Z* yang menampilkan *Z* sebagai pelabur berjaya dalam suatu skim pelaburan dengan mengetahui bahawa *Z* tidak terlibat dalam skim pelaburan itu. *A* bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.
- (e) *A* menerbitkan suatu pernyataan dalam akaun media sosialnya bahawa produk makanan syarikat *Z* mengandungi ramuan berbahaya dan dijual kepada orang awam dengan mengetahui bahawa pengeluaran produk makanan itu telah diberhentikan beberapa tahun dahulu dan produk makanan itu tidak lagi dijual kepada orang awam. *A* bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.

- (f) A mengadakan suatu laman sesawang yang meniru laman sesawang suatu agensi kerajaan. Dalam laman sesawang itu, A menerbitkan garis panduan yang berpuisi dikeluarkan oleh ketua agensi kerajaan itu yang menghendaki orang awam memohon lesen untuk menjalankan sesuatu aktiviti. Tiada garis panduan sedemikian dikeluarkan oleh agensi kerajaan itu. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.
- (g) A memberikan ucapan dalam suatu forum umum yang diadakan di suatu tempat awam. Dalam ucapannya, A memaklumkan bahawa Z telah menyalahgunakan wang yang dikutip untuk tujuan amal dengan mengetahui bahawa maklumat itu palsu. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.
- (h) A mengadakan sidang akhbar dengan mendakwa bahawa Z, seorang pemilik pasar raya, akan memberikan cenderamata percuma kepada satu ratus pelanggan pertama pada tiap-tiap hari Sabtu pertama setiap bulan dengan mengetahui bahawa Z tidak berhasrat berbuat seperti yang didakwa oleh A. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.

Menyediakan bantuan kewangan bagi maksud melakukan atau memudahkan pelakuan kesalahan di bawah seksyen 4

5. Mana-mana orang yang secara langsung atau tidak langsung, mengadakan atau menjadikan tersedia bantuan kewangan dengan niat supaya bantuan itu digunakan, atau mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa bantuan itu akan digunakan, secara keseluruhan atau sebahagiannya, bagi maksud melakukan atau memudahkan pelakuan kesalahan di bawah seksyen 4, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Tidak melaksanakan kewajipan untuk menghapuskan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar

6. (1) Menjadi suatu kewajipan bagi mana-mana orang yang mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya apa-apa penerbitan yang mengandungi berita tidak benar untuk menghapuskan penerbitan itu dengan serta-merta setelah mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa penerbitan itu mengandungi berita tidak benar.

(2) Mana-mana orang yang tidak melaksanakan kewajipan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi tiga ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

BAHAGIAN III

PERINTAH BAGI PENGHAPUSAN PENERBITAN YANG MENGANDUNGI BERITA TIDAK BENAR

Mahkamah boleh memerintahkan penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar

7. (1) Mana-mana orang yang disentuh oleh sesuatu penerbitan yang mengandungi berita tidak benar boleh memohon secara *ex parte* kepada Mahkamah bagi suatu perintah bagi penghapusan penerbitan itu.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan laporan polis dan dokumen lain yang menyokong permohonan itu.

(3) Apabila menerima permohonan di bawah subseksyen (2) dan selepas menimbangkan permohonan itu atau apa-apa keterangan lain, jika Mahkamah berpuas hati bahawa penerbitan yang mengandungi berita tidak benar itu sepatutnya dihapuskan, Mahkamah boleh membuat suatu perintah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual Kedua bagi penghapusan penerbitan itu.

(4) Perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) orang yang dikehendaki untuk menghapuskan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar itu;
- (b) cara bagi penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar itu;

(c) masa yang dalamnya penerbitan yang mengandungi berita tidak benar itu hendaklah dihapuskan selepas penyampaian perintah itu; dan

(d) apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(5) Perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat jika perintah itu disampaikan melalui penyampaian ke diri, dihantar melalui pos ke alamat terakhir yang diketahui orang itu, atau disampaikan dengan cara elektronik kepada orang itu.

(6) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah yang dibuat di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Huraian—Penyampaian sesuatu perintah di bawah seksyen ini dengan cara elektronik kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat boleh dilakukan, antara lain, dengan menghantar perintah itu ke alamat e-mel atau ke akaun media sosialnya.

Pengetepian perintah bagi penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar

8. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), orang yang terhadapnya suatu perintah di bawah seksyen 7 dibuat boleh memohon untuk mengetepikan perintah itu dalam masa empat belas hari dari tarikh perintah itu disampaikan kepadanya.

(2) Permohonan pengetepian di bawah subseksyen (1) tidak terjumlah kepada suatu penangguhan perintah bagi penghapusan di bawah seksyen 7.

(3) Jika suatu perintah di bawah seksyen 7 diperoleh oleh Kerajaan yang berhubungan dengan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar yang menjejaskan atau berkemungkinan menjejaskan ketenteraman awam atau keselamatan negara, tiada permohonan boleh dibuat untuk mengetepikan perintah itu oleh orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

Mahkamah boleh memerintahkan penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar oleh pegawai polis atau pegawai diberi kuasa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

9. (1) Jika orang yang terhadapnya perintah di bawah seksyen 7 dibuat tidak menghapuskan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar itu, Mahkamah boleh, atas permohonan Pendakwa Raya membuat suatu perintah untuk mengarahkan pegawai polis atau pegawai diberi kuasa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menghapuskan penerbitan itu.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan laporan polis dan dokumen lain yang menyokong permohonan itu.

(3) Apabila menerima permohonan di bawah subseksyen (2) dan selepas menimbangkan permohonan itu atau apa-apa keterangan lain, jika Mahkamah berpuas hati bahawa penerbitan yang mengandungi berita tidak benar itu sepatutnya dihapuskan, Mahkamah boleh membuat suatu perintah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual Kedua yang menghendaki pegawai polis atau pegawai diberi kuasa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menguatkuasakan perintah itu.

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

Persubahatan

10. Mana-mana orang yang bersubahat dalam pelakuan mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini hendaklah, jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan berbangkit daripada persubahatan itu, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Pemulaan pendakwaan

11. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Kesalahan boleh tangkap

12. Tiap-tiap kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini adalah kesalahan boleh tangkap.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

13. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, seseorang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, ketua pegawai eksekutif, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa yang lain bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang dengan apa-apa cara atau pada apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya; atau
 - (ii) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh, di bawah Akta ini, dikenakan apa-apa hukuman bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkarannya, orang itu boleh dikenakan hukuman yang sama bagi perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkarannya mana-mana pekerja atau ejen orang itu, atau pekerja kepada ejen orang itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkarannya itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam perjalanan pekerjaannya;
- (b) oleh ejen orang itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen orang itu dalam perjalanan pekerjaannya dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen orang itu yang bertindak bagi pihak orang itu.

Kuasa untuk meminda Jadual

14. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Pertama dan Kedua.

JADUAL PERTAMA

PERMOHONAN BAGI PERINTAH PENGHAPUSAN PENERBITAN YANG MENGANDUNGI BERITA TIDAK BENAR

[Subseksyen 7(2) dan 9(2)]

DALAM MAHKAMAH SESYEN

DI _____

DI DALAM NEGERI _____

NO KES: _____

Nama pemohon: _____

No. Kad Pengenalan/Pasport/Pendaftaran Syarikat*: _____

Alamat:

**Potong yang tidak berkenaan*

Permohonan (*Sila rujuk Arahan kepada Pemohon*):

Bagi menyokong permohonan ini, saya mengesahkan bahawa—
(*Sila rujuk Arahan kepada Pemohon*)

Ditandatangani oleh _____)

Bertarikh _____ hari bulan _____ 20____)

di _____)

Di hadapan saya

Pesuruhjaya Sumpah

Saya dengan rendah hati memohon kepada Mahkamah yang Mulia bagi perintah penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar supaya diberikan.

Bertarikh _____ hari bulan _____ 20_____

Tarikh pendengaran: _____ Masa: _____ (a.m./p.m.)

Di: _____

Bertarikh _____ hari bulan _____ 20_____

(Meterai)

Pendaftar

Arahan kepada Pemohon:

1. Bagi maksud permohonan ini, dokumen yang berikut hendaklah dilampirkan bersama-sama ini:
 - (a) laporan polis; dan
 - (b) salinan dokumen yang disahkan yang membuktikan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar; atau
 - (c) dokumen lain yang disahkan atau bukti lain yang menyokong permohonan ini.
2. Pemohon mesti menyatakan penerbitan spesifik yang mengandungi berita tidak benar yang hendak dihapuskan.
3. Pemohon hendaklah menyatakan dan mengesahkan asas atau alasan untuk membuat permohonan ini. Pengesahan ini termasuk butir-butir yang berhubungan dengan—
 - (a) identiti pemohon;
 - (b) hal perkara yang dikatakan sebagai berita tidak benar;
 - (c) identiti orang yang membuat penerbitan yang mengandungi berita tidak benar;
 - (d) cara penerbitan yang mengandungi berita tidak benar itu dibuat; dan
 - (e) cara pemohon itu disentuh.

JADUAL KEDUA

PERINTAH PENGHAPUSAN PENERBITAN YANG MENGANDUNGI
BERITA TIDAK BENAR

[Subseksyen 7(3) dan 9(3)]

*(*Tajuk sebagaimana dalam borang permohonan dalam Jadual Pertama)*

Kepada _____

Apabila menerima permohonan oleh _____ dan apabila menerima laporan polis dan dokumen yang menyokong permohonan itu, difailkan pada _____ hari bulan _____ 20____, dan apabila mendengar _____, dan pemohon secara sendiri atau _____ untuk mematuhi perintah Mahkamah bagi penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar itu.

Diperintahkan dan diarahkan supaya kamu menghapuskan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar dalam _____ (nyatakan masa / tempoh) yang berhubungan dengan perkara yang berkenaan dalam permohonan ini dan secara khususnya _____

Bertarikh _____ hari _____ 20 _____

(Meterai)

Hakim Mahkamah Sesyen

HURAIAN

Akta Antiberita Tidak Benar 2018 (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk memperkatakan tentang berita tidak benar dengan mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan yang tertentu dan langkah-langkah untuk mengekang penyebaran berita tidak benar dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan. Dengan berkembangnya teknologi selaras dengan peredaran masa, penyebaran berita tidak benar menjadi kebimbangan global dan semakin serius sehingga menyentuh orang awam. Akta yang dicadangkan bertujuan untuk melindungi orang awam daripada penyebaran cepat berita tidak benar dan pada masa yang sama bertujuan untuk memastikan hak kebebasan bercakap dan bersuara di bawah Perlembagaan Persekutuan dihormati. Peruntukan mengenai kuasa Mahkamah untuk membuat perintah untuk menghapuskan apa-apa penerbitan yang mengandungi berita tidak benar menjadi suatu langkah untuk menangani penyalahgunaan medium penerbitan secara khususnya platform media sosial. Melalui Akta yang dicadangkan adalah diharapkan agar orang awam menjadi lebih bertanggungjawab dan berhati-hati dalam berkongsi berita dan maklumat.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan mengandungi perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

5. *Fasal 3* mengandungi peruntukan mengenai pemakaian luar wilayah Akta yang dicadangkan. Jika mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan dilakukan oleh mana-mana orang, walau apa pun kerakyatan atau kewarganegaraannya, di mana-mana tempat di luar Malaysia, dia boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan itu seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia. Akta yang dicadangkan hendaklah terpakai jika, bagi kesalahan yang berkenaan, berita tidak benar itu adalah mengenai Malaysia atau orang yang disentuh oleh pelakuan kesalahan itu ialah warganegara Malaysia.

BAHAGIAN II

6. Bahagian II Akta yang dicadangkan mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan berita tidak benar.

7. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai kesalahan dengan diketahuinya mengadakan, menawarkan, menerbitkan, mencetak, mengedarkan, mengelilingkan atau menyebarkan apa-apa berita tidak benar atau penerbitan yang mengandungi berita tidak benar. Hukuman bagi kesalahan di bawah *fasal* ini ialah denda sehingga lima ratus ribu ringgit atau pemenjaraan sehingga sepuluh tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sehingga tiga ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan. Sebagai tambahan kepada hukuman itu, Mahkamah boleh memerintahkan agar permohonan maaf dibuat sebagai contoh membuat permohonan maaf di mahkamah terbuka atau dengan menerbitkannya di dalam akhbar.

8. *Fasal 5* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai kesalahan menyediakan bantuan kewangan bagi maksud melakukan atau memudahkan pelakuan kesalahan di bawah *fasal 4*. Hukuman bagi kesalahan di bawah *fasal* ini ialah denda sehingga lima ratus ribu ringgit atau pemenjaraan sehingga sepuluh tahun atau kedua-duanya.

9. *Fasal 6* bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas mana-mana orang untuk menghapuskan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar. Mana-mana orang yang tidak melaksanakan kewajipan ini melakukan suatu kesalahan di bawah *fasal* ini. Hukuman bagi kesalahan di bawah *fasal* ini ialah denda sehingga satu ratus ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sehingga tiga ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

BAHAGIAN III

10. Bahagian III Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kuasa Mahkamah untuk memerintahkan penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar.

11. *Fasal 7* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Mahkamah untuk memerintahkan penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar atas permohonan secara *ex parte* oleh orang yang disentuh oleh penerbitan itu.
12. *Fasal 8* memperkatakan tentang pengetepian perintah untuk menghapuskan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar.
13. *Fasal 9* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Mahkamah untuk memerintahkan penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar oleh pegawai polis atau pegawai diberi kuasa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 jika orang yang terhadapnya perintah di bawah *fasal 7* dibuat tidak menghapuskan penerbitan itu.

BAHAGIAN IV

14. Bahagian IV Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan pelbagai.
15. *Fasal 10* adalah berhubung dengan peruntukan mengenai persubahatan.
16. *Fasal 11* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.
17. *Fasal 12* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa tiap-tiap kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta yang dicadangkan ialah kesalahan boleh tangkap.
18. *Fasal 13* memperkatakan tentang kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.
19. *Fasal 14* memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta yang dicadangkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.
20. Jadual Pertama dan Kedua memperuntukkan mengenai borang dan perintah Mahkamah yang akan digunakan di bawah Akta yang dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3106]